

Latih Tubi Bab Pengenalan Kepada Reka Bentuk dan Teknologi

1. Maklumat yang berikut adalah berkaitan reka bentuk dan teknologi.

A	Teknologi
B	Reka bentuk dan teknologi
C	Reka bentuk

Padankan istilah dengan menulis A,B dan C dalam ruang jawapan.

Istilah	Ruang Jawapan
a. Gabungan pengetahuan tentang penyusunan bahan secara terancang dengan mengaplikasikan pengetahuan sains dan matematik.	
b. Pengetahuan yang mengaplikasikan sains dan matematik bagi menyelesaikan masalah manusia menggunakan pelbagai sumber	
c. Pengetahuan tentang penyusunan bahan secara terancang untuk menghasilkan sesuatu produk dan memberi impak kepada kehidupan.	


2. Maklumat yang berikut merupakan bidang dalam reka bentuk. Tulis BETUL pada tiga bidang reka bentuk konkrit.

- a. Sistem fertigasi
- b. Perkhidmatan
- c. Komunikasi
- d. Mekanikal
- e. Hiasan dalaman


3. Tuliskan BETUL bagi bidang reka bentuk dan teknologi yang betul dalam ruang jawapan.

Perkara	Bidang	Reka Bentuk	Ruang Jawapan
a. Seramik	Seni	Konkrit	
b. Pertanian	Teknologi	Abstrak	
c. Pengangkutan	Perkhidmatan	Abstrak	

4. Lengkapkan jadual di bawah mengenai bidang reka bentuk.



5. Nyatakan elemen-elemen yang terdapat dalam reka bentuk.



6. Padankan elemen reka bentuk yang berikut.

a. Merujuk kepada kualiti permukaan objek yang boleh dirasa melalui sentuhan
b. Ukuran atau dimensi bagi sesuatu objek untuk menunjukkan kesan perbezaan jarak, panjang, tinggi dan kedalaman objek
c. Cantuman atau sambungan siri titik yang mempunyai ukuran panjang dan jarak.

Garisan
Saiz
Tekstur

7. Maklumat berikut adalah kumpulan warna

A	Warna primer
B	Warna sekunder
C	Warna primer

Padankan kumpulan warna yang betul dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan.

- a. Merah jingga, merah, merah ungu
- b. Jingga, ungu, hijau
- c. Merah, kuning, biru

8. Maklumat yang berikut adalah prinsip reka bentuk.

A Harmoni

B Keringkasan

C Pengulangan

D Kesatuan

E Kepelbagaian

Lengkapkan jadual yang berikut dengan menulis A, B, C, D dan E dalam ruang yang disediakan.

Pernyataan	Ruang jawapan
a. Semua bahagian elemen bergabung untuk membentuk imej, tema dan idea yang sama.	
b. Penyusunan objek secara berkali-kali dari segi saiz dan bentuk.	
c. Penggunaan pelbagai gaya, nilai dan idea yang berbeza untuk menambah daya tarikan dalam penampilan.	

9. Berikut adalah kriteria reka bentuk.

A Kreativiti

B Kecenderungan inovasi

C Keaslian reka bentuk

D Ergonomik

E Kebolehpasaran

Lengkapkan jadual yang berikut dengan menulis A, B, C, D dan E dalam ruang yang disediakan.

Pernyataan	Ruang jawapan
a. Ciri keselesaan pada sesuatu produk	
b. Mempunyai unsur simbolik dan estetika yang tidak meniru produk sedia ada	
c. Kekuatan dan ketahanan yang mendorong produk mudah dijual	

10. Padankan teknik pembinaan objek yang berikut dengan maklumat yang betul.

a. Sesuatu objek asas dimasukkan dalam objek yang lain untuk membentuk objek yang baharu
b. Bahagian yang tidak diinginkan dikerat, ditebuk atau dicungkil keluar dari objek asas.
c. Sebahagian objek asas diceraikan sehingga membentuk objek yang baharu

Peleraian
Pembuangan
Pembenaman

11.